



Nama Sekolah.

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021**  
**PERNIAGAAN**  
**Kertas 1**  
**November**  
**1 ¼ jam**  
**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Nama Pelajar	
Kelas	

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak termasuk muka surat ini.

1. Apakah tujuan utama sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat?

- A Penawaran barang dan perkhidmatan
- B Menambahkan pendapatan negara
- C Mewujudkan peluang pekerjaan
- D Membantu masyarakat setempat

2.

- Hal ehwal syarikat dirahsiakan
- Tidak bebas pindah milik syer
- Liabiliti terhad

Pernyataan di atas merujuk kepada satu bentuk perniagaan.

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Usahasama
- B Koperasi
- C Syarikat Perkongsian
- D Syarikat Sendirian Berhad

3. Perniagaan manakah merupakan milikan tunggal?

- A Restoran Fatimah
- B Nashmir Sdn Bhd
- C Kedai Runcit Ali dan Jimmy
- D Klinik Azmi dan Rakan-rakan

4. Berikut merupakan maklumat Perniagaan Kilang Batik Indah.

Jualan Tahunan : 5 Juta  
Bilangan Pekerja Tetap : 70 orang

Saiz Perniagaan Kilang Batik Indah ialah..

- A Besar
- B Kecil
- C Sederhana
- D Antarabangsa

5.

Manis Enterprise merupakan pengeluar produk berasaskan nanas. Produk keluaran perniagaannya dipasarkan ke seluruh kawasan Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura. Jualan tahunan Manis Enterprise mencecah RM785 juta setiap tahun dengan bilangan pekerja tetap seramai 452 orang

Berikut merupakan maklumat berkaitan dengan skala perniagaan Manis Enterprise.

Apakah skala perniagaan Manis Enterprise?

- A Domestik
- B Tempatan
- C Antarabangsa
- D Zon

6. Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan keadaan ekonomi.

- Menurunkan kadar cukai
- Menurunkan kadar faedah

Tindakan kerajaan di atas adalah bertujuan untuk mengatasi masalah..

- A Inflasi
- B Subsidi
- C Deflasi
- D Peningkatan cukai

7. Gambar menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan



Gambar 1

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Mengutip cukai
- B Memberi pinjaman perniagaan
- C Menjaga keamanan negara
- D Menguatkuasakan undang-undang

8. Berikut merupakan faktor yang menyebabkan persekitaran perniagaan berubah.

- Pekerja kurang bermotivasi
- Keadaan ekonomi semakin lembab.

Apakah kesan terhadap trend perniagaan tersebut?

- A Trend perniagaan malar
- B Trend perniagaan mendatar
- C Trend perniagaan meningkat
- D Trend perniagaan menurun

9. Maklumat berikut berkaitan dengan fasa pertumbuhan ekonomi.

I	II
Kadar pengangguran meningkat kerana perniagaan tidak dapat menawarkan pekerjaan	Penawaran peluang pekerjaan akan meningkat sekiranya perniagaan menambahkan pengeluaran produk

Apakah fasa tersebut?

	I	II
A.	Melambung	Kemelesetan
B.	Kemelesetan	Melambung
C.	Meningkat	Menurun
D.	Mendatar	Menurun

10.

Harga barang dan perkhidmatan meningkat secara berterusan telah menjejaskan taraf hidup masyarakat.

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

- A Menurunkan kadar cukai
- B Menurunkan kadar faedah
- C Meningkatkan kadar faedah
- D Meningkatkan peluang pekerjaan

11. Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu faktor luaran yang mempengaruhi perniagaan


Kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak 6% pada 1 April 2015 kemudian menjadi 0% pada 1 Julai 2018.

Apakah faktor luaran tersebut?

- A Politik dan perundangan
- B Ekonomi
- C Sosiobudaya
- D Teknologi

12. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan unsur faktor dalaman organisasi
- I Syarikat Berjaya memperkenalkan teknologi baharu dalam operasi pengeluaran
  - II Undang-undang baharu yang diluluskan akan meningkatkan kos operasi syarikat
  - III Para pekerja syarikat memerlukan latihan untuk meningkatkan kemahiran
  - IV Keadaan ekonomi meleset telah memberi kesan kepada jualan syarikat
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
13. Encik Jasmi telah menubuhkan perniagaan kraftangan di Merlimau, Melaka pada 1 Julai 2017.
- Apakah visi yang sesuai bagi perniagaan Encik Jasmi?
- A Jualan sebanyak 50 unit bakul rotan sebulan
  - B Melahirkan pekerja yang mahir membuat bakul rotan
  - C Menghasilkan pengeluaran sebanyak 200 unit sebulan
  - D Untuk menjadi sebuah perniagaan yang disegani dan dicontohi
14. Pernyataan berikut berkaitan dengan suatu ciri objektif
- Adakah objektif boleh diukur secara kuantitatif sama ada dalam bentuk angka nombor atau wang?
- Apakah ciri yang dimaksudkan di atas?
- A Spesifik
  - B Munasabah
  - C Jangka masa
  - D Boleh diukur
15. Antara yang berikut, manakah yang merupakan kepentingan penetapan misi organisasi?
- I Sebagai asas untuk penentuan objektif organisasi
  - II Memudahkan pengagihan sumber organisasi secara tepat
  - III Membantu pengurus bawahan menetapkan kuantiti pengeluaran
  - IV Membantu pihak pengurusan atasan menetapkan visi organisasi


- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D I dan IV
16. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?  
 I Politik  
 II Sosial  
 III Kewangan  
 IV Sumber Manusia
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV
17. Rajah 1 berkaitan dengan contoh fungsian kewangan?



Rajah 1

Apakah peranan X?

- A. Memeriksa bajet jabatan dan pendapatan terkini  
 B. Membantu menyediakan penyata kewangan  
 C. Membantu menyelia rekod-rekod kewangan  
 D. Menyediakan laporan prestasi kewangan
18. Rajah 2 menunjukkan carta organisasi sebuah syarikat.




Rajah 2

Apakah gambaran aspek penting yang boleh diperolehi dari carta organisasi tersebut?

- A. Hierarki pengurusan
- B. Tanggungjawab yang dilakukan
- C. Kuasa arahan
- D. Jawatan yang disandang

19. Maklumat berikut berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan?



Apakah kaedah tersebut?

- A. e-pemasaran
- B. e-goverment
- C. e-banking
- D. e-dagang

20. Maklumat berikut berkaitan dengan unsur dalam proses komunikasi

- Menerima mesej yang dihantar
- Menterjemah mesej yang diterima

Maklumat berikut merujuk kepada....

- A. Penerima
- B. Penghantar
- C. Enkod
- D. Dekod

21. Mengapakah pengurusan sumber manusia penting untuk organisasi sesebuah perniagaan?

- I Mengekalkan tenaga kerja yang berkualiti
- II Prestasi sumber manusia sentiasa dipantau
- III Pengagihan sumber manusia secara berkesan
- IV Membentuk persekitaran kerja yang harmoni

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

22. Gambar 2 menunjukkan peranan pengurusan sumber manusia



Gambar 2

Apakah peranan tersebut?

- A. Pemantapan budaya profesional
- B. Pemberian insentif yang munasabah
- C. Membentuk persekitaran kerja positif
- D. Menggalakkan kreativiti dan inovasi

23. Maklumat berikut berkaitan dengan proses pemilihan pekerja di sebuah organisasi?

Rahman telah dipilih bekerja kerana dia telah menceburi bidang tersebut selama lima tahun.

Apakah kemahiran keboleherjaan yang ada pada Rahman?

- A. Kelayakan yang bersesuaian
- B. Berpengalaman
- C. Keberkesanan mencapai sasaran individu
- D. Penyelesaian masalah

24. Pada pendapat anda, mengapakah sesebuah syarikat pengeluaran sarung tangan harus menguruskan sumber fizikal dengan cekap?

- A. Dapat memastikan sumber sentiasa cukup
- B. Dapat mewujudkan perniagaan yang mampan
- C. Dapat mengelakkan berlaku kerosakan sumber
- D. Dapat meningkatkan kecekapan dan kemahiran pekerja

25. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Pn Farzana.

Pn Farzana ialah seorang graduan bidang multimedia. Dia sedang bekerja sebagai pereka grafik di sebuah syarikat pengiklanan. Pada masa lapang, beliau suka

mengambil gambar alam semula jadi. Yang berikut merupakan contoh kerja Pn Farzana.



Gambar 3

- Apakah yang perlu dilakukan oleh Pn Farzana bagi memastikan hasil kerjanya tidak disalahgunakan oleh pihak lain?
- A Menjual hasil kerjanya kepada pelbagai pihak
  - B Mendaftar hasil kerjanya dengan Pendaftar Syarikat
  - C Mendapat perlindungan paten di bawah Akta Paten 1983
  - D Membuat permohonan mendaftar hak cipta terpelihara di Malaysia
- 26 Pernyataan manakah yang betul tentang prosedur mengurus sumber teknologi syarikat perfileman tempatan?
- A Menginsurans semua kamera dan peralatan
  - B Menyediakan kamera yang berteknologi tinggi
  - C Menghasilkan pelbagai jenis filem dan dokumentari
  - D Mendaftar hak cipta karya filem dengan MyIPO
- 27 Bagaimanakah pembiayaan melalui pajakan dapat membantu usahawan?
- I Usahawan dapat mengelakkan masalah hutang lapuk
  - II Usahawan dapat mengatasi masalah aliran tunai perniagaan
  - III Usahawan dapat mengurangkan pembayaran cukai pendapatan
  - IV Usahawan tidak perlu menghadapi masalah asset tetap menjadi usang
- A I dan II
  - B I dan III

- C II dan IV
- D III dan IV

28 Maklumat yang berikut berkaitan dengan Encik Akif.

Encik Akif merupakan seorang pengusaha restoran. Memandangkan perniagaannya mendapat sambutan yang baik, beliau mengambil keputusan untuk membuka satu lagi restoran

Beliau bercadang menggunakan sumber pembiayaan dalaman dan bukan sumber pembiayaan luaran. Mengapa?

- I Modal daripada sumber pembiayaan dalaman tidak terhad
  - II Sumber pembiayaan luaran memerlukan jaminan dan cagaran
  - III Sumber pembiayaan luaran tidak sesuai untuk perniagaan restoran
  - IV Sumber pembiayaan dalaman dapat mengelakkan pembayaran faedah
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

29 Antara yang berikut, faktor manakah yang akan dipertimbangkan oleh pihak bank sebelum meluluskan sesuatu permohonan pinjaman?

- I Lokasi perniagaan
  - II Nilai cagaran
  - III Tujuan pinjaman
  - IV Taraf Pendidikan peminjam
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

30 Mengapakah sesebuah perniagaan menyediakan penyata pendapatan?

- A Melaporkan jumlah asset perniagaan
- B Membolehkan peniaga mengetahui jumlah hutangnya
- C Membolehkan peniaga melihat prestasi perniagaannya

- D Peniaga dapat melihat kedudukan kewangan perniagaan dengan jelas
- 31 Pihak berkepentingan manakah yang memerlukan penyata kewangan untuk membuat keputusan memberikan kemudahan kredit dagangan kepada perniagaan?
- A Pemilik
  - B Pelabur
  - C Pembekal
  - D Pembiaya
- 32 Encik Hamdan merupakan pemilik sebuah kilang pengeluar perabot. Bagaimanakah analisis penyata pendapatan membantu Encik Hamdan?
- I Mengukur prestasi perniagaan pada tahun semasa
  - II Mengambil tindakan untuk meningkatkan keuntungan perniagaan
  - III Dapat mengambil tindakan untuk mengurangkan hutang perniagaan
  - IV Dapat mengetahui kedudukan aset semasa dan aset bukan semasa perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
33. Apakah kepentingan penyata aliran tunai kepada perniagaan?
- I Dapat mengetahui jumlah hasil dan belanja perniagaan
  - II Dapat mengetahui kedudukan aset dan liabiliti perniagaan
  - III Dapat mengetahui jumlah penerimaan dan pembayaran tunai
  - IV Dapat mengetahui sama ada dapat menjelaskan liabiliti semasa perniagaan
- A I dan II
  - B I dan iv
  - C II dan III
  - D III dan IV


34. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan

*Seorang pemaju perumahan pernah mengalami kegagalan semasa kegawatan ekonomi tetapi beliau masih berusaha untuk menyiapkan projek yang terbengkalai. Beliau menghadapi kemungkinan perumahan tersebut tidak dapat dijual dan terpaksa menanggung kerugian*

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah ciri-ciri keperibadian usahawan tersebut?

- A Tabah
  - B Berani mengambil risiko
  - C Pandai mengambil peluang
  - D Berinisiatif dan bertanggungjawab
35. Antara berikut yang manakah menunjukkan kelebihan memulakan perniagaan sendiri?
- I. Bebas menikmati keuntungan
  - II. Bebas menjalankan perniagaan
  - III. Menanggung semua beban kerja
  - IV. Menanggung semua risiko perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
36. Antara yang pernyataan berikut, manakah benar tentang Akta Syarikat 2016?
- A Rakan Kongsi mempunyai bahagian dalam modal
  - B Tiada liabiliti ke atas pengarah atau pemegang saham
  - C Permohonan pemerbadanan syarikat boleh memilih nama dengan bebas
  - D Pemegang saham syarikat tidak mempunyai hak berkaitan syarikat

- 37 Rajah ? menunjukkan dokumen perniagaan yang perlu disimpan oleh sesebuah perniagaan.



Rajah 3

Apakah Z?

- A Dokumen yang mengandungi catatan urusan perniagaan yang dibuat melalui bank
- B Dokumen yang mengandungi catatan aktiviti perbelanjaan perniagaan
- C Dokumen yang mencatat semua rekod belian oleh perniagaan
- D Dokumen yang mencatat semua aktiviti jualan oleh perniagaan
- 38 Apakah yang dimaksudkan dengan Jualan
- A Produk yang diagihkan kepada pengguna
- B Memberi kepuasan kepada pengguna
- C Menghasilkan produk yang dapat memenuhi kehendak pengguna
- D Aktiviti pertukaran hak milik sesuatu produk antara pembeli dengan penjual
- 39 Rancangan Perniagaan juga dikenali sebagai
- I. Kertas Kerja
- II. Kertas Laporan
- III. Pelan Pembangunan
- IV. Pelan Induk Perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga

- A Mencari pekerjaan yang baharu
- B Panduan memberikan pinjaman
- C Garis panduan untuk menguruskan perniagaan
- D Untuk membuat pelaburan di dalam perniagaan